

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
[MACHANG]**

SOALAN

DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [MACHANG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi memperbanyakkan lagi pakej francais mampu milik bernilai RM100 ribu ke bawah dan pakej francais mikro bernilai RM50 ribu ke bawah bagi membuka lebih banyak peluang perniagaan francais kepada usahawan B40 dan M40, dan apakah bantuan yang tersedia bagi golongan ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Bagi memastikan kejayaan pembangunan industri francais, khususnya francais mampu milik bernilai RM100ribu dan ke bawah dan pakej francais mikro bernilai RM50ribu dan ke bawah, Kementerian telah dan akan terus melaksanakan Program Francais Domestik yang bertujuan memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai sistem perniagaan francais yang ada dalam pasaran.

Program Francais Domestik ini terdiri daripada Pameran Francais Berskala Kecil (Franchise Bay) dan Franchise Special Features (Y'Franchise). Selain daripada sebagai platform untuk usahawan memahami perniagaan francais, program ini memberi pendedahan kepada usahawan dan bakal usahawan mengenai latihan dan pakej pembiayaan yang ditawarkan, menggalakkan usahawan untuk

mentransformasi perniagaan sedia ada kepada konsep francais, membantu perniagaan kecil dan sederhana yang berpotensi untuk dikembangkan kepada konsep francais berskala mikro atau mampu milik, serta merencanakan semula perkembangan ekonomi negara.

Kementerian telah melaksanakan beberapa sesi libat urus bersama industri dan persatuan bagi bersama-sama membangunkan dan memperkembangkan konsep francais mikro dan francais mampu milik. Sambutan daripada industri dan persatuan-persatuan francais adalah memberangsangkan dan merupakan tindakan tepat di pihak Kerajaan apabila pandemik Covid-19 ini menyaksikan premis-premis perniagaan yang mempunyai kos pengoperasian besar menghadapi kesukaran untuk meneruskan kelangsungan.

Selain itu, usahawan yang ingin mengembangkan perniagaan melalui industri francais dan memerlukan suntikan modal tambahan turut dibantu oleh Kementerian ini melalui pelbagai jenis dana yang disediakan. Dana Program Pembangunan Francais Tempatan (PPFT) bertujuan membangunkan perniagaan konvensional kepada perniagaan francais. Dana Bantuan Pembangunan Francais (DBPF) bertujuan untuk membantu francaisor membangunkan pakej francais sehingga mendapat francais. Skim Pembiayaan Kecil Francais (SPKF) adalah untuk membangunkan perniagaan francais bagi pakej yang tidak melebihi RM50 ribu. Dana Program Financing Franchise Scheme (FFS) adalah pinjaman di mana jaminan kredit diberikan kepada bank bagi memudahkan urusan pinjaman.

Sekian, terima kasih.